

# Seminar Pembaruan Abjad Tamil

## 4hb April, 1985

### Rumah Universiti

oleh  
Komodhi Dhanaraj

Pada 14hb April 1985 Jabatan Pengajian India dengan kerjasama Malayan India Congress telah menganjurkan suatu seminar mengenai pembaruan abjad Tamil. Seminar ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Samy Vellu, Menteri Kerjaraya Malaysia, pada pukul 10.00 pagi bertempat di Rumah Universiti.

Tujuan utama seminar ini adalah bagi membincangkan tentang penyeragaman 13 abjad Tamil. Dalam bahasa Tamil terdapat 247 abjad. Abjad-abjad ini mempunyai bentuk-bentuknya yang tersendiri. Oleh kerana itu murid-murid yang mempelajari Bahasa Tamil pada peringkat asas menghadapi masalah dalam mengenalpasti abjad-abjad tersebut. Bagi menyelesaikan masalah ini dan bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil, beberapa orang cendekiawan telah membuat perubahan dalam 13 bentuk abjadnya. Terdapat berbagai pendapat tentang pembaruan abjad Tamil ini di negara kita. Oleh kerana itu ianya tidak dapat diamalkan di negara kita walhal di Singapura ianya sudahpun diterima dan dilaksanakan.

Bagi menyelesaikan masalah ini, maka Jabatan Pengajian India mengambil inisiatif dan mengumpulkan beberapa orang tokoh dari bidang sastera dan Bahasa Tamil bagi membincangkan masalah ini dan seterusnya bagi mengambil keputusan yang muktamat.

Lebih kurang 80 orang peserta yang mewakili berbagai organisasi dan persatuan telah menghadiri seminar ini.

Dua kertaskerja telah dibentangkan dalam seminar ini. Kertaskerja pertama dibentangkan oleh Dr. K. Thilagavathy. Ianya bertajuk 'Keperluan mengadakan pembaruan abjad Tamil dan cara-cara ianya boleh diimplementasikan'.

Beliau sebagai seorang ahli akademik telah memberikan gambaran yang begitu jelas tentang peri-

mustahaknya amalan pembaruan abjad Tamil ini. Seterusnya beliau nyatakan, walaupun bahasa Tamil hanya mempunyai 27 bentuk dalam tulisannya tapi ianya selalu disalahanggap sebagai 247. Tambahan pula, golongan bukan Tamil yang ingin mempelajari bahasa Tamil menghadapi masalah; di mana suatu komponen huruf-huruf itu walaupun mempunyai bunyi yang sama tapi bentuk tulisannya (abjadnya) yang berlainan itu menimbulkan berbagai kekeliruan dan seterusnya melemahkan semangat mereka dalam mempelajari Bahasa Tamil ini. Demikianlah, beberapa pendapat yang dikemukakan oleh beliau dalam kertaskerjanya.

Pada peringkat kedua pula, Encik G. Krishnabagwan dari Pusat Perkembangan Kurikulum, menyampaikan kertaskerjanya. Kertaskerja beliau bertajuk. "Masalah-masalah yang akan dihadapi dalam melaksanakan pembaruan abjad Tamil". Sebagai seorang ahli akademik dan dari pengalaman luas yang diperolehi oleh beliau dalam berkhidmat di Pusat Perkembangan Kurikulum, beliau dapat menghuraikan dengan terperinci masalah-masalah yang mungkin akan dihadapi kelak dalam melaksanakan pembaruan abjad Tamil ini.

Para hadirin turut memberikan pendapat dan pandangan masing-masing tentang kertaskerja yang disampaikan oleh beliau. Terdapat juga beberapa peserta yang mengutarakan pandangan mereka dalam menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin akan timbul itu.

Secara am bolehlah disimpulkan bahawa kedua-dua pembentang kertaskerja tersebut telah mengambil inisiatif bagi menyelidiki perkara ini dari berbagai aspek sebelum menulis kertaskerja mereka. Walaupun terdapat berbagai pendapat yang pro dan kontra dari para hadirin dalam menerima pembaruan abjad Tamil

\*Pegawai Perpustakaan, Bahagian Katalog.

ini, akhirnya suatu resolusi telah diambil.

Resolusinya berbunyi "Dalam jangkamasa 5 tahun, pembaruan 13 bentuk abjad Tamil ini harus dilakukan secara berperingkat-peringkat di semua lapisan dan keputusan yang dicapai itu akan dihantar

kepada pihak yang berkuasa bagi melaksanakannya".

Seminar ini telah berjaya mengumpulkan berbagai individu dan organasasi bagi membincangkan serta mendapatkan satu keputusan menyeluruh bagi pembaruan abjad Tamil.

Seminar Sistem Maklalat Islam (28-30 Mac, 1985,  
Komoditi Danarasi  
di Maktab Kerjasama Malaysia, P.J.)

oleh

Sharifah Hanon Bidin